

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

TAJUK : UPACARA PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN MCA YANG KE-47

TEMPAT: WISMA MCA, JALAN AMPANG, KUALA LUMPUR

TARIKH: 17 JUN 2000

MASA :

Saya ucapkan terima kasih kepada Presiden Parti MCA dan semua anggota Jawatankuasa Pusat MCA kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan MCA yang ke-47 pada hari ini. Inilah Mesyuarat Agung Tahunan MCA yang pertama dalam abad dan alaf baru ini dan selepas pilihanraya umum yang lalu.

2. Sebagai Pengerusi Barisan Nasional dan bagi pihak anggota komponen Barisan Nasional yang lain tidaklah terlambat bagi saya mengucapkan tahniah kepada Parti MCA dan seluruh anggotanya atas kemenangan cemerlang calon-calonnya dalam Pilihanraya Umum 1999. Dengan kekuatan Parti MCA dan kerjasama parti-parti komponen Barisan Nasional kita telah menumbangkan jaguh-jaguh parti-parti pembangkang di kawasan-kawasan yang menjadi kubu kuat mereka terutama DAP. Kejayaan ini jelas menunjukkan masyarakat Cina Malaysia bukan anti-Barisan Nasional tetapi sebaliknya menghargai kemampuan Kerajaan Barisan Nasional menangani masalah negara, terutama masalah ekonomi, yang menyelamatkan mereka daripada tekanan-tekanan hutang dan sebagainya.

3. Sejak sebelum merdeka lagi penduduk pelbagai kaum di negara ini telah hidup berbaik-baik walaupun mereka terpisah di antara satu sama lain. Tidak ada rusuhan kaum yang serius seperti yang terdapat di tanah jajahan British yang lain. Malangnya penjajah tidak berusaha untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara kaum dari segi pembangunan ekonomi mereka. Sebaliknya penjajah mengambil jalan yang mudah dengan menggunakan tenaga dan kecekapan dari luar apabila penduduk tempatan tidak dapat menyumbang kepada pengumpulan kekayaan oleh mereka. Dengan itu jurang perbezaan di antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera menjadi lebih besar dan menjadi punca perselisihan pendapat antara kaum di Malaysia apabila merdeka. Inilah yang disebut sebagai 'time bomb' yang ditinggalkan oleh penjajah.

4. Pada tahun 1969 berlakulah rusuhan kaum di Kuala Lumpur. Orang asing membuat ramalan bahawa Malaysia tidak mungkin dipulihkan dan menjadi aman dan makmur. Tetapi dengan kebijanya pemimpin-pemimpin kaum dan

politik di Malaysia mencipta pendekatan tersendiri untuk mengatasi masalah ekonomi yang tidak seimbang dan hubungan kaum yang tegang. Walaupun terdapat keraguan akan kemampuan Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk menyelesaikan masalah berkenaan, tetapi hari ini kita lihat hubungan antara kaum di Malaysia sudah menjadi lebih baik, jauh lebih baik daripada hubungan kaum di negara-negara lain yang mempunyai penduduk berbilang kaum. Demikianlah berjayanya DEB dalam mengurangkan jurang ekonomi antara kaum sehingga kegawatan ekonomi yang amat teruk pada tahun 1997-1998 pun tidak menyebabkan apa-apa kesan politik atau rusuhan kaum dan keganasan di Malaysia.

5. Ketenangan dan keamanan di Malaysia memudahkan proses pemulihan ekonomi negara. Hari ini ekonomi negara sudah hampir pulih sepenuhnya.

6. Tetapi kita tidak boleh mengambil ringan akan keamanan dan hubungan baik antara kaum. Semasa kegawatan pencapaian kaum Bumiputera yang masih rapuh atau 'fragile' telah terhakis atau 'eroded' dengan teruknya. Kita perlu bekerjasama sekali lagi untuk memulihkan ekonomi Bumiputera supaya dapat memenuhi matlamat Dasar Pembangunan Negara.

7. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan semua tahu, Malaysia percaya kepada slogan "prosper-thy-neighbour" iaitu "perkayakan jiran anda". Sebabnya kita mendokong usaha memperkayakan jiran kita ialah kerana kita akan mendapat banyak keuntungan jika jiran kita berjaya dan kaya. Ini lebih nyata bagi masyarakat peniaga seperti orang Cina.

8. Semua peniaga tahu adalah lebih mudah dan lebih menguntungkan menjual kepada orang yang kaya daripada orang yang miskin. Orang yang kaya boleh membeli barangan dan perkhidmatan yang mahal sementara orang yang miskin tidak mampu membeli melainkan yang murah atau tidak dapat membeli langsung. Jelas jika rakyat kaya, peniaga lebih untung. Peniaga yang untung pula akan menyumbang kepada kekayaan negara melalui perbelanjaan mereka dan cukai yang mereka bayar. Dengan itu pekerja, termasuk kakitangan Kerajaan akan mendapat pendapatan yang lebih tinggi.

9. Orang Cina di mana-mana sahaja amat cekap berniaga. Orang berketurunan Cina Malaysia mungkin lebih cekap daripada orang Cina lain. Jika kecekapan ini dapat dipindahkan sedikit kepada Bumiputera, tentulah Bumiputera sebagai jiran akan lebih kaya dan akan menjadi pasaran yang lebih baik bagi peniaga Cina. Orang Cina tidak akan rugi kerana Bumiputera menjadi lebih pandai berniaga.

10. Justeru itu amatlah baik jika orang Cina dan Bumiputera mengadakan lebih banyak perkongsian

perniagaan yang 'genuine', di mana rakan Bumiputera memainkan peranan yang bermakna yang memberi kepada mereka pengalaman dan kecekapan. Perkongsian Ali Baba di mana Bumiputera hanya menjadi 'front' tidak menolong proses pemindahan kecekapan dalam bidang perniagaan. Saya percaya jika rakan kongsi Bumiputera diberi peranan yang bermakna, sumbangannya kepada perniagaan tetap bernilai.

11. Jika Bumiputera maju dan sama kaya dengan kaum-kaum lain, kemajuan negara kita tetap akan meningkat tinggi dan Pendapatan Purata Malaysia atau GDP akan menjadi jauh lebih baik. Dan GDP yang tinggi ini tetap akan menguntungkan semua peniaga. Walaupun peniaga Bumiputera juga akan mendapat keuntungan, tetapi bukan Bumiputera juga akan mendapat keuntungan yang bertambah. Pengalaman kita dengan DEB menunjukkan bahawa peningkatan ekonomi Bumiputera tidak menjejaskan kemajuan ekonomi bukan Bumiputera. Sebagai bonus negara kita menjadi begitu aman dan tidak ada rusuhan kaum berlaku walaupun semasa kegawatan.

12. Tentulah ada orang Cina yang tidak puas hati dengan DEB. Tetapi kaum Bumiputera juga ada yang tidak puas hati dengan DEB. Jika kita berkongsi dan bekerjasama, bilangan mereka yang tidak puas hati ini akan berkurangan.

13. Malaysia mampu mencipta dasar-dasar dan pendekatan yang berlainan daripada yang biasa, berlainan daripada yang diterimapakai oleh negara lain, bangsa lain bahkan seluruh dunia. Negara-negara berbilang kaum yang lain tidak berjaya menyelesaikan masalah perkauman. Kita berjaya walaupun mungkin tidak sepenuhnya.

14. Pendekatan kita dalam menjadikan negara kita negara industri daripada negara pertanian berjaya. Konsep Persyarikatan Malaysia atau Malaysia Incorporated juga dapat menjadikan khidmat Kerajaan kepada swasta dan sumbangan swasta kepada pembangunan negara lebih baik sehingga kita mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi tahun demi tahun.

15. Apabila kita diserang oleh penyangak matawang dan mereka menarik keluar pelaburan jangka pendek mereka, kita tidak menurut cara-cara yang digunakan oleh negara-negara lain untuk memulihkan ekonomi negara. Meminjam daripada IMF untuk membayar hutang tidak akan menyelesaikan masalah. Apa yang akan berlaku ialah sementara hutang kita dipindahkan daripada bank komersial kepada IMF, kebebasan kita menguruskan ekonomi kita akan hilang.

16. Sepertimana tuan-tuan dan puan-puan tahu, kita tidak meminjam walau satu sen pun daripada IMF dan pinjaman yang dijanjikan oleh World Bank pun kita tidak ambil. Sebaliknya kita mencipta cara tersendiri untuk

menjadikan nilai matawang kita stabil dan memaksa wang kita yang berada di luar negeri dibawa balik. Dengan cara ini kita dapat balik kuasa dan kawalan ke atas kewangan kita dan Ringgit yang berada di luar negeri kembali balik ke sistem bank kita. Dengan ini kita dapat menurunkan kadar faedah untuk memulihkan hutang syarikat-syarikat swasta. Penyangak matawang pula tidak lagi dapat menurunkan nilai matawang kita. Berpuluh-puluh tindakan lain diambil oleh kita seperti kempen memiliki hartanah (property ownership campaign), meningkatkan jualan runcit (retail sales), jualan kereta dan motorsikal, memulakan semula projek-projek Kerajaan supaya industri pembinaan dapat bergerak dan 'sub-contractor' serta pembekal bahan binaan dapat maju semula, semuanya untuk menghidup dan merangsangkan semula ekonomi. Hasilnya ialah ekonomi kita dipulihkan dengan lebih cepat daripada pemulihan di negara-negara lain.

17. Tindakan Kerajaan juga berjaya memulihkan harga saham dan mengurangkan 'Non Performing Loans'. Dengan itu perniagaan kembali sihat dan orang asing tidak dapat membeli dan mengambilalih syarikat dan bank kita 'at fire sale prices' seperti yang berlaku di negara lain. Hari ini dunia terpaksa mengakui kejayaan pendekatan Malaysia. Ramalan bahawa Kerajaan Barisan Nasional dan pemimpinnya akan ditolak oleh rakyat tidak menjadi kenyataan. Sebaliknya pemimpin IMF dan pengurus-pengurus 'Hedge Funds' yang terpaksa berundur lebih awal. Kita bukan berhajat untuk menepuk dada kerana terlalu bangga dengan kejayaan kita, tetapi kenyataannya ialah Barisan Nasional menang lebih daripada tiga per empat kerusi dan mendirikan Kerajaan yang lebih kukuh.

18. Kerajaan Malaysia mempunyai kemampuan untuk menghadapi cabaran dunia dan menangkis usaha untuk menguasai ekonomi dan politik negara kita. Sebab itu kita yakin kita boleh membangunkan negara kita supaya pada tahun 2020 kita akan menjadi negara maju. Kaum Cina sama juga dengan kaum-kaum lain dan Bumiputera akan mendapat banyak kebaikan bukan sahaja pada tahun 2020 tetapi juga dalam tahun-tahun menjelang 2020 di waktu mana banyak peluang akan didapati daripada pembangunan yang pesat yang akan diusahakan oleh Kerajaan.

19. Sebenarnya pembangunan negara boleh menjadi lebih pesat jika tidak kerana gangguan oleh mereka yang suka menghalang kemajuan. Selain daripada parti lawan, terdapat beberapa Badan Bukan Kerajaan atau NGO yang menghalang kemajuan negara.

20. Apabila kita mencapai kemerdekaan bekas penjajah tidak lagi boleh campurtangan dalam urusan dalam negeri kita. Mereka dan rakyat mereka tidak senang hati dengan kebebasan kita di dalam negara kita. Rakyat

mereka dengan galakan oleh Kerajaan mereka mencipta NGO yang tidak terbatas dengan syarat tidak campurtangan dalam hal ehwal negara-negara yang merdeka. NGO bukan sahaja dapat melibatkan diri secara langsung dengan perkara-perkara dalaman negara lain, tetapi tidak seperti parti politik, mereka dapat menubuhkan cawangan-cawangan mereka di dalam negara yang bebas. Melalui NGO mereka, negara dan Kerajaan asing secara langsung atau tidak langsung dapat bertindak dan menimbulkan masalah kepada Kerajaan-Kerajaan negara bebas.

21. Isu-isu seperti hak asasi manusia, demokrasi, buruh kanak-kanak, rule of law, kronisme, korupsi dan bermacam lagi digunakan oleh NGO sama ada tempatan atau luar negeri untuk mencetuskan ketegangan bahkan rusuhan supaya menjejaskan kestabilan negara membangun, terutama negara-negara yang mencapai kemajuan. Kadang-kadang pemimpin negara maju dengan beraninya menyuruh NGO dan badan-badan lain untuk menunjuk perasaan dan mengganas supaya Kerajaan yang bebas dapat ditumbangkan dan diganti dengan Kerajaan boneka mereka.

22. Tidak cukup dengan menggunakan NGO negara-negara besar mendakwa bahawa mereka berhak campurtangan dalam hal ehwal mana-mana negara jika mereka dapati negara-negara ini tidak demokratik atau mencabul hak asasi manusia. Malangnya jika demokratik dan tidak bersalah mencabul hak asasi manusia pun, mereka mendakwa kononnya demokrasi tidak diamalkan dan hak asasi dicabul untuk menghalalkan campurtangan oleh mereka. Dalam usaha ini media mereka bersubahat dan sengaja membuat tuduhan-tuduhan yang tidak berasas supaya menghalalkan segala campurtangan oleh kuasa-kuasa tertentu. Dan ini diikuti oleh NGO asing dan NGO tempatan yang dibiayai oleh mereka.

23. Media asing seperti CNN cuba dengan sengaja memberi gambaran buruk kepada negara kita tiap kali sesuatu peristiwa berlaku. Apabila beberapa orang pelancong di Pulau Sipadan diculik, mereka menggambarkan seluruh Malaysia sebagai tidak selamat untuk pelancongan. Dengan itu ramai juga pelancong asing membatalkan lawatan mereka ke Malaysia. Sebaliknya bandar di negara mereka begitu tidak selamat sehingga pegawai keselamatan mereka yang menjaga saya semasa lawatan saya ke negara tertentu menghalang saya daripada membeli-belah di jalan-jalan tertentu kerana terdapat banyak penjenayah di tempat itu. Adalah jelas bandar mereka lebih tidak selamat untuk pelancong daripada bandar kita. Tetapi kita tidak pernah mengeluarkan 'advisory' supaya pelancong Malaysia tidak pergi ke negara mereka.

24. Kita menerima kebebasan media tetapi mereka mencabul atau 'abuse' kebebasan ini dengan berbohong sepanjang masa untuk memburukkan imej kita. Mereka akan menafikan mereka berbuat demikian tetapi memang

benar mereka ini adalah 'totally immoral' dan mempunyai niat jahat terhadap kita. Jika boleh, mereka ingin merosakkan negara kita dan mencetuskan rusuhan kaum serta huru-hara sepanjang masa.

25. Inilah sebab-sebabnya pembangunan negara kita tidak lebih cepat dan tinggi seperti yang mampu kita jayakan melalui kerjasama Kerajaan dan swasta dalam konsep Persyarikatan Malaysia. Saya meminta masyarakat keturunan Cina di Malaysia menolak hasutan dari luar dan perasaan perkauman yang sempit. Sebaliknya orang keturunan Cina di Malaysia hendaklah bekerjasama secara 'genuine' dengan kaum-kaum lain terutama kaum Bumiputera supaya negara kita menjadi lebih maju, lebih cepat dan kita semua akan mendapat keuntungan dan kebaikan daripadanya.

26. Malaysia adalah milik kita bersama. Dalam masa 42 tahun kita merdeka kita telah berjaya merapatkan hubungan antara kaum dan sedikit sebanyak mengintegrasikan mereka. Sebenarnya kadang-kadang kita begitu 'Malaysian' sehingga kita tidak dapat mengenali seseorang itu daripada kaum yang mana. Dari segi pakaian dan budi bahasa Melayu dan Bumiputera sukar dikenali sebagai berlainan daripada keturunan Cina atau India. Walaupun kita mengekalkan bahasa ibunda tetapi generasi muda hampir semua fasih berbahasa Malaysia, bahasa kebangsaan kita.

27. Jika 'trend' ini berterusan, saya percaya sangkaan buruk antara kaum akan hilang sama sekali dan apabila prestasi ekonomi semua kaum menjadi sama, perkauman juga akan hilang.

28. Sepertimana kita semua maklum Perlembagaan Malaysia tidak menyebut berkenaan keturunan Perdana Menteri. Siapa sahaja daripada apa juga keturunan berhak menjadi Perdana Menteri Malaysia. Saya yakin satu hari nanti apabila warganegara keturunan Cina atau India dapat diterima oleh semua kaum, maka Perdana Menteri Malaysia tidak lagi akan terdiri daripada keturunan Melayu sahaja. Demikian juga Bumiputera bukan Melayu juga mungkin menjadi Perdana Menteri Malaysia.

29. Proses ke arah ini sudah berjalan. Percayalah, jika kita semua sensitif terhadap citarasa rakyat Malaysia, soal kaum dan keturunan tidak lagi akan menghalang sesiapa daripada rakyat Malaysia daripada memegang apa-apa jawatan.

30. Barisan Nasional perlu berusaha ke arah ini dengan pendekatan yang unik bagi Malaysia. Parti-parti komponen Barisan Nasional perlu berusaha. MCA perlu berusaha. Malaysia boleh mencapai matlamat ini dengan cara tersendiri. Bekerjasamalah dalam bidang politik, ekonomi dan sosial dan kita semua akan dapat

menghapuskan perkauman dan menerima siapa sahaja daripada rakyat Malaysia untuk menjadi Perdana Menteri dan mengisi apa-apa jawatan.

31. Dengan harapan MCA akan terus mendokong perjuangan Barisan Nasional dan mengekalkan hubungan baik dan kerjasama dengan UMNO dan parti-parti komponen lain ke arah Malaysia yang aman dan adil, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan MCA yang ke-47.